

Mhi  
Sejak 1982

ملاک هاری این  
**MELAKA HARIINI**



MHI mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2022 kepada semua pembaca

# Prihatin banjir



- Empat inisiatif ringankan beban rakyat terjejas banjir - PM
- Melaka permudah bantuan untuk mangsa banjir - KM
- Wang ihsan RM1,000 untuk mangsa banjir,  
RM10,000 untuk waris mangsa meninggal dunia
- Moratorium enam bulan untuk mangsa banjir
- MetMalaysia ramal tiada gelombang kedua banjir
- Rancangan tebatan banjir di Melaka akan disegerakan - EXCO

(FOTO: Mr Azli)

PEMANDANGAN situasi banjir yang berlaku di sekitar Kampung Morten

2,3,4,6,7

Warga emas kurang  
ambil dos penggalak 8

Sindiket jual bayi  
di Instagram tumpas 18

Pantun dalam tiga bahasa 21

# Melaka permudah urusan mangsa banjir terima bantuan - KM

**SERI NEGERI** - Mangsa banjir di Melaka tidak perlu membuat laporan polis untuk menerima bantuan RM1,000 yang diberikan kerajaan, kata Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.



ada gambar mangsa tersebut terlibat bencana banjir tidak perlu lagi lengahkan, JPKK boleh terus hantar kepada pejabat daerah masing-masing dan serahkan kepada NADMA," katanya.

Sebaliknya beliau berkata, mereka yang terkesan hanya perlu mendapatkan pengesahan daripada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) di kawasan masing-masing sahaja.

Beliau berkata, dengan cara itu ia akan membantu mempermudahkan proses pemberian bantuan banjir dari Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) kepada setiap mangsa terlibat.

"Saya rasa tidak perlu buat 'report' polis semua, kita mudahkan urusan mangsa banjir ini mereka banyak kerja nak buat nak cuci rumah semua."

"Jika JPKK dah sahkan dan

Beliau berkata demikian pada sidang media Pasca Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Melaka di Seri Negeri, 23 Dislalu.

Dalam pada itu, beliau juga meminta supaya semua agensi terlibat mempermudahkan penyaluran bantuan kepada mangsa banjir dalam kadar segera.

"Susulan pengumuman bantuan RM100 juta oleh Perdana Menteri tempoh hari, di Melaka semua mangsa banjir diminta untuk melaporkan kepada pejabat daerah masing-masing.

"Selain itu, semua pegawai daerah serta agensi yang berkaitan diminta mendapatkan laporan ter-



**SULAIMAN** di sidang media Pasca Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Melaka di Seri Negeri.

perinci bagi membantu mangsa banjir," katanya.

Mengenai projek atas banjir di

projek-projek jangka pendek seperti menaik taraf parit, longkang dan lain-lain membabitkan kos sejumlah RM37 juta.

Selain itu, katanya, Iapan projek berskala besar bernilai RM931.2 juta juga akan dimulakan secara berperingkat selepas peruntukan diluluskan kerajaan persekutuan bagi mengatasi banjir di negeri ini.

Jelasnya, antara yang akan dimulakan ialah seperti Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Melaka Fasa 1 serta menaik taraf Kolam Tebatan Banjir Krubong sebagai dwi-fungsi untuk tebatan banjir dan sumber air Negeri Melaka.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, setakat ini Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Melaka telah mengenalpasti 124 'hotspot' banjir di seluruh negeri.

Ia membabitkan 59 kawasan di Melaka Tengah, 23 di Alor Gajah dan 42 di Jasin.

## Rancangan tebatan banjir akan disegerakan - EXCO

**AYER LIMAU** - Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) akan disegerakan bagi mengatasi masalah banjir yang melanda negeri ini.

EXCO Pengurusan Banjir Negeri Datuk Rahmad Mariman berkata perkara itu merupakan langkah penyelesaian jangka panjang terbaik.

Katanya, empat dari enam projek RTB yang dirancang pembinaannya, telah diluluskan oleh kerajaan pusat.

"Kita ada enam RTB yang bernilai hampir RM1 billion dan empat daripadanya telah diluluskan.

"Selain itu, seperti di Lubok China, jalan penyelesaian adalah membina empangan Sungai Jernih.

"Bagi penyelesaian jangka pendek, kita akan perbaiki ban atau tebing sungai yang pecah dan rosak serta membesarkan calvet di jalan-jalan yang dikenalpasti," katanya.

Beliau berkata demikian

dalam sidang media kepada selepas melawat beberapa kawasan yang dilanda banjir di sekitar Lubok China, di sini, 19 Dislalu.

Hadir sama pengarah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Limau Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer, Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Melaka Datuk Ir.Ismail Abd Rahman dan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Melaka Abdul Hakim Hamzah.



**RAHMAD** (tengah) meninjau keadaan sungai di Lubok China selepas banjir melanda kawasan itu, baru-baru ini.



**KETUA MENTERI** Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali menghadiri Mesyuarat Khas Pengurusan Bencana yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob melalui sidang video di Bilik Mesyuarat MMKN di Seri Negeri, 21 Nov lalu. Mesyuarat itu turut dihadiri Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri serta kepemimpinan tertinggi dalam agensi keselamatan negara.

### WAKTU SOLAT

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, salah seseorang lelaki secara bejemah lebih ulama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.

27 Disember 2021 - 2 Januari 2022 (22-28 Jamadilawal 1443H)

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
27 DISEMBER 2021	5.59 am	7.13 am	1.15 pm	4.38 pm	7.13 pm	8.28 pm
28 DISEMBER 2021	6.00 am	7.13 am	1.15 pm	4.38 pm	7.14 pm	8.28 pm
29 DISEMBER 2021	6.00 am	7.14 am	1.16 pm	4.39 pm	7.14 pm	8.29 pm
30 DISEMBER 2021	6.01 am	7.14 am	1.16 pm	4.39 pm	7.15 pm	8.29 pm
31 DISEMBER 2021	6.01 am	7.15 am	1.17 pm	4.40 pm	7.15 pm	8.30 pm
01 JANUARI 2022	6.02 am	7.15 am	1.17 pm	4.40 pm	7.16 pm	8.30 pm
02 JANUARI 2022	6.02 am	7.16 am	1.17 pm	4.41 pm	7.16 pm	8.31 pm

# 4 inisiatif ringankan beban rakyat, PMKS terkesan banjir - PM



**KUALA LUMPUR** - Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan empat inisiatif yang akan dilaksanakan agensi kerajaan dan sektor perbankan bagi meringankan beban rakyat dan peniaga perusahaan mikro kecil dan sederhana (PMKS) yang terkesan banjir.

Ismail Sabri menerusi kenyataan pada 22 Disember, Bank Simpanan Nasional (BSN) akan menyediakan pembiayaan kewangan peribadi tanpa faedah sehingga RM5,000 dan bagi tujuan itu BSN memperuntukkan RM100 juta untuk ringankan beban mangsa banjir membeli peralatan dan kelengkapan rumah yang musnah akibat bencana itu.

Beliau berkata, moratorium (rehat bayaran) enam bulan pertama ke atas pem-

bayaran ansuran bulanan pembiayaan itu dan inisiatif berkenaan terbuka kepada mangsa-mangsa banjir di seluruh negara.

Menurut Ismail Sabri Tekun Nasional juga mengkhususkan dana berjumlah RM30 juta untuk Pinjaman Pemulihan Banjir Pembayaan bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mikro yang terkesan.

Katanya bagi pinjaman sehingga RM10,000, tiada kadar faedah dikenakan dan moratorium bayaran balik dibenarkan untuk 12 bulan.

Tambah beliau, Bank Negara Malaysia (BNM) juga sedang berusaha menambah peruntukan ke atas Kemudahan Bantuan Bencana 2022 atau Disaster Relief Facility (DRF) 2022 daripada RM200 juta kepada RM500 juta ber-

dasarkan keperluan semasa. Inisiatif lain kata beliau ialah bantuan bayaran balik pinjaman untuk mangsa-mangsa banjir bagi pinjaman perumahan dan hartanah, kenderaan, kad kredit serta pinjaman peribadi sehingga enam bulan.

"Antarakemudahan termasuklah penangguhan atau pengurangan bayaran balik ansuran," katanya.

Beliau berkata kesemua inisiatif berkenaan adalah lanjutan daripada bantuan kerajaan yang diumumkan sebelum ini termasuk bantuan wang ihsan berjumlah RM1,000 bagi setiap ketua isi rumah bagi membantu meringankan beban Keluarga Malaysia yang terkesan akibat banjir.

"Saya amat bersympati dengan kesengsaraan dan kepayahan yang terpaksa di-



ISMAYL Sabri melawat mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS) D'Sury, Jelebu, baru-baru ini. (Foto: Facebook Ismail Sabri Yaakob)

tanggung oleh Keluarga Malaysia akibat terkesan dengan bencana banjir baru-baru ini," katanya.

Beliau berkata mangsa-mangsa banjir di Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak Negeri Sembilan, Melaka,

Kuala Lumpur dan Selangor terpaksa menanggung kerugian akibat kerosakan hara-benda. - BERNAMA

## Banjir: Bantuan RM10,000 untuk waris mangsa meninggal dunia - PM

**BENTONG** - Kerajaan akan menyumbang RM10,000 kepada waris bagi setiap ahli keluarga yang meninggal dunia akibat bencana banjir yang melanda negara ketika ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata beliau akan mendapatkan senarai nama mereka yang terkorban daripada pusat bencana daerah, bagi memastikan sumbangan itu disampaikan segera.

"Kita amat simpati dan sedih dengan apa yang berlaku dan kita akan beri sumbangan...

kita akan salurkan melalui pejabat daerah dan mereka akan salurkan kepada waris mangsa," katanya pada sidang media selepas melawat mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan Bukit Piatu di sini, 24 Dis lalu.

Dalam pada itu, beliau mengarahkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) memudahkan pemberian bantuan RM1,000, kepada ketua keluarga yang ditimpakan musibah banjir.

Menurut Ismail Sabri sehingga kini

NADMA telah menyalurkan dana sebanyak RM26.9 juta kepada 11 negeri termasuk negeri yang belum dilanda banjir, sebagai persiapan awal.

Selain itu, beliau berkata Bank Simpanan Nasional telah menaikkan tawaran pinjaman peribadi buat mangsa banjir kepada RM10,000 berbanding RM5,000 sebelum ini, bagi memudahkan mereka membeli keperluan rumah.

Bagi membantu negeri yang teruk terjejas banjir, Ismail Sabri berkata kerajaan

memperuntukkan RM50 juta kepada Pahang dan Selangor.

Katanya Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) juga diarah untuk membantu dua negeri tersebut untuk mengepam air yang bertakung di kawasan terjejas termasuk di Mentakab, Pahang.

Selain itu KASA juga akan memulakan operasi meluruskan sungai dan membina benteng setinggi empat meter bagi persiapan awal, sekiranya gelombang kedua banjir berlaku. - BERNAMA

## Dana RM83j disalur bantu mangsa banjir

**KUALA LUMPUR** - Dana sebanyak RM83 juta, termasuk geran berjumlah RM25 juta oleh kerajaan disalurkan melalui Rangkaian Tindak Balas Bencana Syarikat Berkaitan Kerajaan dan Syarikat Pelabuhan Berkaitan Kerajaan (GDRN) untuk membantu mangsa bencana banjir, kata Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Beliau berkata Syarikat Pelabuhan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan

(GLC) akan menyumbang RM58 juta untuk menangani bencana banjir, meningkat lebih 100 peratus berbanding jumlah RM25 juta yang diumumkan sebelum ini.

Di samping itu, katanya sejak 17 Dis, GDRN mula memantau keadaan banjir di seluruh negara dan telah turun padang untuk menyalurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

"Antaranya termasuklah, KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) yang menyediakan

Kampus Pembelajaran KWSP sebagai pusat penempatan sementara; Telekom Malaysia yang mula mengaktifkan Pusat Arah Krisis mereka dan bersedia memberi bantuan komunikasi dan perkhidmatan kecemasan serta Pharmaniaga dan MASKargo yang giat menghantar bantuan kepada mangsa banjir," katanya dalam laporan Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA) Ke-80 yang dikeluarkan pada 23 Dis.

Beliau berkata sektor perbankan juga telah menyatakan kesediaan untuk menawarkan program bantuan bayaran balik kepada pemohon yang terkesan akibat banjir.

Tengku Zafrul berkata kerajaan akan terus memantau keadaan dan Kementerian Kewangan khususnya sentiasa bersedia untuk menyediakan peruntukan secukupnya untuk membantu mangsa banjir secepat mungkin.

"Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri telah memulakan

usaha membaiki rumah-rumah dan infrastruktur awam yang rosak akibat banjir.

"Pelbagai agensi dikerahkan untuk menangani isu banjir di Taman Sri Muda, Shah Alam dengan segera. Selain itu, Jabatan Pengairan dan Saliran telah diarahkan untuk mengepam air dari kawasan banjir genang ke sungai berhampiran," katanya.

Beliau berkata sebanyak RM100 juta diperuntukkan untuk menggerakkan usaha pemulihan pascabanjir. - BERNAMA

## MetMalaysia ramal tiada gelombang kedua banjir

**KUALA LUMPUR** - Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) meramalkan tiadage-lombang kedua banjir akan berlaku dalam masa terdekat.

Dalam satu kenyataan, MetMalaysia memaklumkan ia berikutkan ramalan kebarangkalian berlaku hujan berterusan di pantai timur Semenanjung adalah rendah.

Menurut kenyataan itu lagi, Luruan Monsun yang diramalkan berlaku pada 27-29 Dis ini dengan kebarangkalian untuk berlaku

hujan berterusan di pantai timur Semenanjung adalah rendah berikutan paras kelembapan udara yang rendah.

Namun, hujan berterusan berpotensi berlaku di Sabah timur dan Sarawak barat dalam tempoh tersebut.

Ramalan berkenaan adalah berdasarkan analisis model European Centre for Medium-Range Weather Forecasts (ECMWF), Global Forecast System (GFS) dan METMalaysia Weather Research and Forecasting Model

(MMD WRF).

"Berdasarkan analisis model itu, meramalkan berlaku luruan monsun pada 27-29 Disember dengan kebarangkalian berlaku hujan berterusan di pantai timur Semenanjung adalah rendah berikutan paras kelembapan udara yang rendah. "Namun, hujan berterusan berpotensi berlaku di Sabah timur dan Sarawak barat dalam tempoh tersebut serta angin kencang dan laut bergelora diramalkan berlaku di perairan Laut

China Selatan termasuklah kawasan perairan Pantai Timur Semenanjung mulai 26 hingga 29 Dis.

"Orang awam dinasihatkan merancang perjalanan ke kawasan-kawasan berkenaan dan sentiasa peka dengan maklumat terkini dan berwaspada," kata kenyataan jabatan itu.

Dalam pada itu, MetMalaysia memaklumkan pihaknya akan terus memantau keadaan cuaca 24 jam sehari, tujuh hari seminggu dan akan mengeluarkan amaran hujan berterusan dan amaran ribut petir bila keadaan perlu.

# Ban pecah mungkin punca banjir besar

Faris Haikal Zakaria

**AYER LIMAU** - Ban empangan Sungai Lubok China yang pecah mungkin menjadi punca banjir besar melanda Lubok China baru-baru ini, kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Limau Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer.

Selain itu, katanya, keadaan sekeliling yang diliputi ladang kelapa sawit turut menyumbang salah air deras sehingga kejadian banjir berlaku begitu pantas.

"Saya difahamkan ini adalah banjir terburuk selepas kali terak-



hir pada 1971, maksudnya sudah 50 tahun tidak jadi banjir sebesar ini.

"Jadi, kita berharap agensi terlibat menyegerakan pembaikan ban pecah di empangan selain pengurusan di tali air juga perlu diselenggara dengan baik."

"Pada masa sama, kita juga akan mengadakan rundingan bersepudu dengan pelbagai jabatan dan pengusaha ladang kelapa sawit untuk mengelakkan situasi sama berulang lagi di masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui Melaka Hari Ini sele-

pas mengadakan lawatan ke pusat pemindahan sementara (PPS) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Lubok China, 18 Dislalu.

Sebelum itu, beliau telah 'berkampung' di kawasan terjejas bagi memudahkan segala urusan mangsa-mangsa banjir di kawasannya itu.

Beliau turut merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang membantu khususnya Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), RELA, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Angkatan tentera Malaysia (ATM).



HAMEED Mytheen

## Rauf prihatin nasib mangsa banjir Melaka

**“ Saya juga berke sempatan melawat mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di SK Telok Berembang . ”**

**TANJUNG BIDARA** - Pengurus Badan Perhubungan UMNO Negeri Datuk Seri Ab Rauf Yusoh menunjukkan keprihatinan terhadap bencana banjir yang berlaku di beberapa kawasan di Masjid Tanah, hari ini.

Beliau yang juga Ketua UMNO Bahagian Masjid Tanah telah mengadakan lawatan ke tiga kawasan terkesan di sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Limau.

Lawatan itu diadakan sebaik sahaja beliau selesai menghadiri dan merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Masjid

Tanah, 18 Dislalu.

"Selesai Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Masjid Tanah tadi terus ke lokasi banjir di pekan Lubok China, Taman Wira Masdan Kampung Telok Berembang.

"Saya juga berkesempatan melawat mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di SK Telok Berembang," katanya dalam satu hantaran di Facebook beliau.

Dalam lawatannya itu, Ab Rauf turut membantu mengajukan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS).



AB Rauf (dua dari kiri) turun padang membantu mangsa banjir di Lubok China.

## JAPERUN bantu bersih rumah mangsa banjir



RAIS (kanan) bersama isteri Datin Ernie Aidilia Karim (tengah) menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir Siti Aisyah Jaapar, 25, di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan Krubong, 19 Dislalu. Foto: MR. Azli

**PAYA RUMPUT** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Rumput Datuk Rais Yasin akan menggerakkan pemimpin setempat, termasuk staf JAPERUN dalam membantu mangsa banjir.

Beliau berkata, bantuan pasca banjir itu akan tertumpu bagi membantu aktiviti pembersihan kediamanan penduduk yang terjejas.

"Kami sudahpun bersedia *modestandby*' bukan hanya membantu ketika banjir bahkan selepas banjir juga.

"Selalunya di Paya Rumput, pasca banjir itu kita akan sama-sama bergotong-royong dan saya akan pastikan team JAPERUN turun membantu," katanya selepas meninjau pusat pemindahan sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan (SK) Krubong, 19 Dislalu.

Menurut beliau, selain parti

politik, aktiviti pasca banjir itu juga nanti akan turut disertai oleh sukarelawan mahasiswa.

"Sukarelawan mahasiswa juga sudah menghubungi saya untuk turut sama membantu penduduk yang terjejas," katanya.

Mengulas lanjut, Rais berkata, di Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Rumput, seramai 218 penduduk dilaporkan terjejas apabila ke-

diaman mereka dinaiki air dalam kejadian 18 hingga 20 Dislalu.

"Untuk itu kami menggerakkan segala bantuan bagi memastikan semua penduduk yang terjejas berpindah ke PPS.

"Kampung Lanjut manis antara lokasi yang teruk terjejas apabila seramai lapan mangsa kita terpaksa pindahkan dengan menggunakan bot," katanya.

### RAMALAN KAJI CUACA DI MELAKA 27 DISEMBER - 30 DISEMBER 2021

Isnin 27/12/2021	Selasa 28/12/2021	Rabu 29/12/2021	Khamis 30/12/2021
Pagi: Tiada hujan Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 24° / Maks: 32°	Pagi: Tiada hujan Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 24° / Maks: 32°	Pagi: Tiada hujan Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 24° / Maks: 32°	Pagi: Ribut petir di satu dua tempat Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 24° / Maks: 32°
<small>www.melakahariini.my</small>	<small>Melaka Hari Ini</small>	<small>Melaka Tv</small>	<small>Sumber : Jabatan Meteorologi Melaka (MetMalaysia) Infografik : Melaka Hari Ini</small>



# *Selamat menyambut Hari Natal dan Tahun Baharu*

# 2022



*Setulus ikhlas Daripada*

**YAB DATUK SERI UTAMA  
HAJI SULAIMAN BIN MD ALI  
KETUA MENTERI MELAKA  
DAN  
AHLI-AHLI EXCO, AHLI-AHLI DEWAN  
UNDANGAN NEGERI,  
&  
SELURUH ANGGOTA PENTADBIRAN  
NEGERI MELAKA**

# TUAH UTeM bantu mangsa banjir Melaka

Liana Sahabudin

**LUBOK CHINA** - Cakna dan prihatin dengan nasib mangsa bencana banjir di negeri ini, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengerakkan misi bagi membantu golongan yang terjejas akibat bencana alam tersebut.

Inisiatif itu digerakkan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar bersama-sama Tuah Volunteer Team (TVT) menerusi misi bantuan pembersihan rumah dan hulurkan bantuan kepada mangsa banjir yang terjejas di Telok Berembang Lubok China Melaka, 21 Dis lalu.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Datuk Dr Sabri Mohamad Sharif berkata, misi itu sekali gus memupuk semangat membantu se-sama komuniti warga UTeM, sekali gus merealisasikan tanggungjawab sosial warga kampus kepada masyarakat



setempat.

"Terima kasih kepada semua yang terlibat...semangat yang tinggi serta komitmen sukarelawan yang sanggup berkorban masa dan tenaga membantu mangsa banjir yang selari dengan ciri TUAH UTeM iaitu Tangkas, Unggul, Adaptif dan Holistik."

"Misi ini melibatkan sukarelawan dari kalangan kakitangan dan pelajar UTeM iaitu Team MyHEP UTeM bersama TVT dan Sekretariat Anak Melaka (SAM) melibatkan 45 pelajar serta lapan staf @myheputem," katanya.

Untuk rekod pasukan sukarelawan TVT baharu dilancarkan pada 15 Dis lalu diketuai Che Ku Azryzal Che Ku Azih bersama 45 sukarelawan yang sentiasa bersedia memberikan bantuan tenaga serta menyumbangkan pek makanan untuk mangsa yang terkesan akibat banjir.



DR Sabri bersama sukarelawan TVT UTeM membantu mangsa banjir di Lubok China, baru-baru ini.

## YADIM kerah 10,000 sukarelawan bantu mangsa banjir

Norizan Muhid

**AYER KEROH** - Seramai 10,000 sukarelawan di bawah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) di seluruh negara akan dikerahkan bagi membantu mangsa banjir yang terjejas secara berperingkat.

Ketua Pegawai Eksekutif YADIM, Tuan Kamarul Arief Tuan Soh berkata, setakat ini, seramai 500 sukarelawan dari Johor, Pahang dan Perlis telah turun padang membantu membersihkan rumah mangsa banjir.

Menurutnya, sukarelawan yang terlibat mempunyai jadual masing-masing bagi memastikan program khidmat bantuan berjalan

lancar dan teratur.

"Insya-Allah selepas ini, lebih ramai sukarelawan YADIM akan turun padang untuk memberi khidmat bantuan bagi meringankan beban kesusahan yang terpaksa ditanggung oleh mangsa banjir."

"Pada masa yang sama, YADIM juga mempunyai pusat latihan sendiri di Hulu Langat, Selangor berfungsi sebagai hab bagi mengatur dan merangka kesesuaian bentuk bantuan yang diberikan kepada orang awam yang memerlukan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas pelancaran Sukarelawan YADIM Selebriti di Melaka Mall, 23 Dis lalu.

Majlis itu telah diras-



TUAN Kamarul (kiri) menyaksikan penyerahan watikah lantikan Sukarelawan YADIM Selebriti yang disempurnakan EXCO Kebajikan Negeri Datuk Kalsom Nordin.

mikan EXCO Kebajikan negeri Datuk Kalsom Nordin dan turut disertai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Datuk Shadan Othman.

Mengulas lanjut, Tuan Kamarul berkata, pihaknya juga akan menyalurkan pelbagai bentuk bantuan berjumlah RM500,000 bagi meringankan penderitaan mangsa banjir antaranya bantuan wang tunai RM20,000 kepada negeri yang terjejas.

Ujarnya, ia juga termasuk kemudahan agihan barang keperluan dan khidmat Dapur Rakyat yang memfokuskan kepada pemberian makanan berbungkus kepada mangsa banjir dan petugas.



OPERASI pasca banjir yang dijalankan SWM Environment di 11 lokasi seluruh Melaka.

## SWM lancar operasi pembersihan banjir di 11 lokasi

**KRUBONG** – Syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) telah melancarkan kerja-kerja pembersihan pasca banjir di 11 lokasi terjejas di negeri ini.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment Mohd Norlisam bin Mohd Nordin berkata, operasi pembersihan itu dijalankan bermula 21 Dis membabitkan empat kawasan di daerah Alor Gajah dan tujuh di Melaka Tengah.

Antara kawasan yang terlibat dalam operasi itu katanya, termasuklah Taman Wira Indah, Pekan Lubok Cina, Taman Seri Bayu 2 dan Balai Polis Lubok Cina.

Selain itu ia turut melibatkan Kampung Morten, Taman Melaka Baru, Taman Bukit Beruang Bistari, Taman Melawis, Taman Murai Jaya, Taman Angkasa Nuri dan Taman Merdeka Jaya.

"Operasi bantuan pasca banjir yang dijalankan di bawah inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) ini mengutamakan kerja-kerja kutipan sisa

pukal dan pembersihan longkang dengan kekuatan 62 orang kakitangan dan 16 aset milik syarikat iaitu tiga lori Roro 16 tan, lima jentera penyembur, lima lori Ultra Whack dan tiga jentolak.

"Kerja-kerja pembersihan ini perlu dilakukan dengan kadar segera bagi mengelakkan timbunan sampah sisa banjir yang boleh mendatangkan masalah lain seperti penyebaran penyakit dan pencemaran bau sekali-gus dapat mengembalikan persekitaran yang lebih bersih dan selesa untuk penduduk yang terjejas," katanya.

Beliau menambah, operasi khas itu dijangka mengambil masa beberapa hari bagi memastikan sisa banjir dapat dibersihkan dengan sempurna untuk dihantar ke tapak pelupusan.

"Sehubungan itu, SWM Environment meminta kerjasama penduduk yang terjejas untuk mengumpulkan sisa banjir seperti perabot yang rosak di hadapan rumah atau di lokasi yang mudah dilalui oleh jentera kami," katanya.

**MELIBATKAN :**  
62 ORANG  
KAKITANGAN  
3 lori Roro 16 tan,  
5 jentera penyembur,  
5 lori Ultra Whack,  
3 jentolak



PENDUDUK Kampung Telok Berembang diselamatkan anggota bomba dalam kejadian banjir, baru-baru ini.

# Banjir terburuk sejak 1971 - penduduk

Din Ahmad

**AYER LIMAU** - Banjir yang melanda pekan Lubok China dan beberapa kampung di sekitarnya, pada 18 Dis lalu merupakan yang terburuk sejak 1971, dakwa penduduk.

Peniaga ikan dan sayur, Radzi Md Rotin, 60, berkata dalam bencana banjir sebelum ini, air Sungai Rembau hanya melimpah ke kawasan bulatan di tengah pekan itu sahaja.

Namun, ujarnya, kali ini banjir menyebabkan kawasan lain seperti Kampung Telok Berembang dan Masjid Al Wakil dinaiki air sehingga 1.8 meter.

"Mujurlah saya sempat memindahkan

barang perniagaan ke kawasan selamat pada jam 4 pagi tetapi gagal menyelamatkan peti ais.

"Banjir seumpama ini pernah berlaku ketika saya berusia 10 tahun, kira-kira 50 tahun lalu dan ketika itu seluruh pekan Lubok China tenggelam," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini.

Sementara itu, Mohd Rozi Khamis, 45, berkata banjir turut berlaku pada 21 Oktober lalu, namun ia hanya membabitkan beberapa perumahan dan kawasan bulatan di pekan sahaja.

Bagaimanapun, katanya banjir kali ini lebih tinggi daripada paras satu meter dan arusnya pula sangat deras.

"Hujan lebat tanpa henti sejak jam 2.30 petang (17 Dis) menyebabkan Sungai Rembau melimpah pada jam 4.30 pagi sebelum air naik sehingga 1.8 meter di warung kopi yang saya usahakan."

"Selain itu, Masjid al-Wakil di tengah pekan sebelum ini tidak pernah dilanda banjir tetapi limpahan sungai berkenaan awal pagi ini menyebabkan air naik hingga hampir mencecah bumbung," katanya.

Dalam pada itu, tinjauan di Lubok China pada 21 Dis mendapat penduduk masih lagi dihantui dengan masalah banjir termenung di kawasan itu.

Menurut Rohaya Ibrahim, 60 yang menetap di Kampung Bangsal Atap, keda-

mannya masih ditakungi air yang terlalu lambat untuk bergerak keluar.

"Kawasan di sekeliling rumah tiada laluan air untuk keluar ke sungai, jadi air masih bertakung dan terlalu lambat bergerak."

"Air di kawasan lain sudah surut, tetapi di sini, banjir termenung menyukarkan kami untuk membersihkan rumah," katanya ketika ditemui membersihkan kedai kraftangan mereka bersebelahan rumah itu.

Rohaya berkata, musibah yang melanda itu menyebabkannya mengalami kerugian apabila pelbagai barang kraftangan dan makanan tradisional yang diusahakannya dibawa arus banjir.

## Rezeki jaring ikan darat

**AYER LIMAU** - Sungai Rembau yang melimpah mengakibatkan banjir di pekan Lubok Cina, dekat sini, memberi rezeki tambahan kepada mereka yang menggempari ikan air tawar.

Bagi Zulkifli Din, 57, atau lebih dikenali dengan nama Pak Teh, Sungai Rembau yang melimpah ke pekan berkenaan dimanfaatkan dengan memasang jaring di tepi jalan raya berhampiran tebing sungai.

Katanya, ketika tiada banjir, jaring berkenaan digunakan untuk menangkap ikan di beberapa anak sungai berhampiran kediannya di Taman Wira Mas.

"Saya mencuba nasib memasang jaring sejak petang semalam dan menariknya pagi ini dan antara hasil yang melekat pada jaring ialah ikan keli, sepat dan lampam."

"Saya tidak menjual hasil tangkapan itu sebaliknya memasak tangkapan itu selain memberi sedekah



ZULKIFLI menjaring ikan di kawasan dinaiki air di pekan Lubok Cina, Masjid Tanah.



kepadajiran tetangga," katanya ketika ditemui menjaring ikan di pekan Lubok Cina 20 Dis lalu.

Pekerja Bangladesh, Rokun Abdul Rahman, 30, berkata dia juga mengambil kesempatan banjir untuk menjala ikan di kawasan cetek.

"Saya takut terjatuh ke dalam sungai yang sangat laju arusnya, jadi saya hanya menjala di kawasan darat yang dinaiki air," katanya.

Dia berkata, menjala sudah men-

jadi rutin kehidupannya di Bangladesh kerana kampung halamannya dikelilingi sawah dan sungai.

Rokun berkata, ikan air tawar amat lazat jika dimasak kari dan dimakan dengan nasi panas manakala ulam yang digemarinya ialah bawang besar.

"Alhamdulillah, hari ini saya dapat macam-macam ikan dan saya akan memakannya dengan kawan serumah," katanya.



PENDUDUK Kampung Belimbing Dalam Durian Tunggal, Abdul Rahim Mohamad, 31, membersihkan rumahnya selepas keadaan air mulai surut.

Foto: MR. Azli

# Warga emas Melaka 'tolak' dos penggalak?

Norizan Muhib

**AYER KEROH** - EXCO Pembangunan Keluarga negeri, Datuk Kalsom Nordin melahirkan kebimbangan nyata terhadap warga emas di negeri ini yang didapati 'kurang berminat' dalam mendapatkan suntikan dos penggalak vaksin COVID-19.

Menurut beliau, ia disebabkan kurangnya pendedahan tentang kepentingan pengambilan dos tersebut diberikan kepada golongan itu, selain tiada kerjasama daripada keluarga khususnya anak-anak.

"Ada dalam kalangan warga emas ini yang sangat skeptikal dan tidak mahu menerima suntikan dos penggalak kerana bimbang tentang kesannya terhadap kesihatan mereka.

"Ini berlaku disebabkan mereka tidak diberi

pendedahan yang jelas tentang perkara ini malah ada dalam kalangan anak-anak mereka juga tidak benarkan ibu bapa mereka yang lanjut usia mengambil dos penggalak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas melancarkan Sukarelawan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Selebriti, Penyampaian Musaladah Yadi dan program Kembali Ke Sekolah sempena bulan Dakwah 2.0, di Melaka Mall 23 Dis lalu.

Hadir sama, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPTHJ), Datuk Shadan Othman dan Ketua Pegawai Eksekutif YADIM, Tuan Kamarul Arief Tuan Soh.

Menurutnya, perhatian dan temuduga yang dijalankan beliau sendiri ke atas rakan terdekatnya juga

mendapati mereka menolak untuk mengambil suntikan dos penggalak tersebut.

Bagaimanapun, kata beliau, pihaknya berpuas hati terhadap penerimaan golongan warga emas di rumah kebajikan orang tua yang memberi respon terbaik terhadap pengambilan dos penggalak.

"Warga emas di rumah orang-orang tua tiada masalah, ada juga anak-anak mereka tidak benarkan ibu bapa yang berusia agak lanjut mengambil dos penggalak tetapi bilangan mereka tidak ketara," katanya.

Sehubungan itu beliau berharap agar pihak yang terlibat dapat mempergiatkan kempen kesedaran tentang pengambilan dos penggalak ini dalam kalangan warga emas demi memastikan pelaksanaan program itu berjalan lancar.



KALSON (kanan) menyampaikan bantuan sumbangan kepada pemandu teksi di Melaka Mall.

## Melaka agih dos penggalak ke klinik komuniti, desa

**AYER KEROH** - Kerajaan negeri akan mengagihkan dos penggalak (*booster*) vaksin COVID-19 kepada semua klinik komuniti dan klinik desa bagi memudahkan masyarakat khususnya di kawasan pedalaman

negeri ini menerima suntikan dos itu dalam kadar segera.

EXCO Kesihatan Negeri, Dr Muhamad Akmal Saleh berkata, pihaknya bagaimanapun telahpun mencadangkan perkara itu ber-

sama Menteri Kesihatan supaya ianya difokuskan kepada kawasan luar bandar.

"Dos '*booster*' ini di Melaka setakat semalam baharu mencapai 20 peratus iaitu melibatkan seramai 120,000 penerima daripada keseluruhan penduduk di negeri ini.

"Tapi dalam tempoh sebulan kehadapan kita akan pertingkat dan perbanyakkan lagi pusat-pusat pengambilan vaksin dos ketiga ini termasuk di klinik komuniti dan desa, sebelum ini hanya di beberapa klinik swasta dan klinik kesihatan negeri saja.

"Semalam juga ada perbincangan dengan Menteri Kesihatan secara dalam talian, saya juga telah mencadangkan bahawa kita akan guna pakai klinik komuniti dan desa yang ada," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Perayaan Krismas 2021 yang disampaikan Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali di Dewan Bistari di sini, 22 Dis lalu.

Ujarnya, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) juga berusaha memberikan dos penggalak itu kepada semua klinik swasta di Melaka bagi memastikan ia dapat disampaikan dengan kadar cepat dan berkesan.



DR Akmal mengadakan lawatan mengejut ke Klinik Kesihatan Ayer Keroh.  
FOTO: Akmal Saleh

## 36 guru di Melaka belum divaksin

Siti Salehah

**PAYA RUMPUT** - Seramai 36 guru di negeri ini telah dikenal pasti tergolong dalam kalangan mereka yang masih enggan menerima suntikan vaksin COVID-19, kata EXCO Pendidikan Datuk Rais Yasin.

Beliau berkata, walaupun angka itu tidaklah begitu banyak, namun beliau berharap agar kumpulan ini dapat membuat keputusan sebaiknya demi kesihatan anak murid masing-masing.

"Keseluruhan guru di negeri ini seramai 13,800 orang dan daripada jumlah itu seramai 36 masih enggan menerima vaksin.

"Awalnya, dianggarkan kira-kira 80 guru yang belum divaksin termasuk 36 individu ini tetapi sebahinya mempunyai masalah kesihatan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan sumbangan Hari Natal kepada 50 individu kurang bernasib baik di Dewan Paya Emas, di sini, 23 Dis lalu.

Menurut beliau, pihaknya yakin Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) akan berusaha sebaiknya, termasuk memberi kaunseling kepada golongan ini agar bersetuju untuk menerima vaksin.

Dalam perkembangan lain, Rais yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Rumput memaklumkan masalah banjir di kawasan Krubong kini beransur baik.

Katanya, masalah yang membelenggu beberapa kawasan seperti Kampung Tanah Merah dan Kampung Lanjut Manis dijangka dapat diatasi selepas kerja pembinaan tebing Sungai Lanjut Manis di Krubong dilaksanakan.

"Saya yakin masalah ini dapat diatasi dan diberikan sedikit masa malah EXCO Pengurusan Banjir juga telah turun bersama untuk menangani isu banjir di Krubong," katanya.



RAIS

MELAKA HARI INI	WARTAWAN	WARTAWAN	REKABENTUK & GRAFIK	PEMASARAN	UNIT MEDIA SOSIAL	MELAKA TV
NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315 FAX : 06 - 251 9316	MOHD FAIZ ABU HASAN faizhasan@melakaharlini.my	LIANA SAHABUDIN lilyann90@melakaharlini.my	AMBRAN MOHAMED ambran@melakaharlini.my	PENGURUS MUHAMMAD HAMZI ROSAMI amz@melakaharlini.my 018 - 329 9936	EKSEKUTIF IZAIDA RAIHANAH IDRIS lizaideh363@gmail.com	KETUA ASHALIA YUSOF ashallayusof@melakaharlini.my
PEMANGKU PENGARANG MOHD FAZRUL ABDUL MAJID fazrul@melakaharlini.my	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT ABDUL JALIL JAMAR abduljaliljamar@gmail.com	JURUFOTO KANAN AZREN JAMALUDIN m.azren86@gmail.com	FARAH SUHAIDAH OTHMAN farahothman@melakaharlini.my	MIMIE AZURA ABU BAKAR mimieazura1981@ melakaharlini.my	SHARIFAH NORHALIDAH SYED KHAIDZIR khaidzir@melakaharlini.my	PENYUNTING VIDEO RABIAH OSMAN osmanrabiah@melakaharlini.my
FARAH SUHAIDAH OTHMAN farahothman@melakaharlini.my	SITI SALEHAH AL-QADRAWI sitisalehah@melakaharlini.my					JURUKAMERA ISMAIL IBRAHIM dakmail92@melakaharlini.my
						AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI aufalzzati198@melakaharlini.my

# Karnival kerjaya Melaka diperluas di luar bandar

Faiz Hasan

**BEMBAN** - Karnival Kerjaya di Melaka akan diperluaskan di kawasan luar bandar tahun depan, kata EXCO Tenaga Kerja Ngwe Hee Sem.

Beliau berkata, ia bagi membantu mengurangkan kadar pengangguran khususnya membabitkan mereka yang tinggal di kawasan perkampungan.

Pada masa sama, katanya, penganjuran karnival kerjaya itu juga akan difokuskan terhadap sektor pelancongan dalam menawarkan pekerjaan bagi perkhidmatan perhotelan dan restoran di negeri ini.

"Semua sektor akan dibuka terutama pada sektor pelancongan juga berikutnya sektor yang terlah dibuka ini kita lihat ramai pelancong telah memasuki Melaka dan ini akan memberi peluang pekerjaan kepada restoran atau hotel jika

ia dibuka secara berperingkat nanti.

"Kerajaan negeri juga akan mengkaji semula bagi memastikan program seperti ini akan diperluaskan khususnya di kawasan perkampungan bagi memastikan kadar pengangguran di Melaka dapat diturunkan pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mewakili Ketua Menteri merasmikan Mini Karnival Kerjaya 3 Daerah Peringkat Negeri Melaka di Mydin Jasin, 23 Dislalu.

Hadir sama, Pengurus Besar Institut Tun Perak (ITP) Hazzlan Sama, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) Datuk Maslina Baki dan Pengarah PERKESO Melaka Abdul Razak Omar.

Mengulas mengenai karnival yang dianjurkan itu, Hee Sem berkata, ia membuka lebih 50 jawatan dan 940 kekosongan buat pencari kerjadi negeri ini.

Menurutnya, sebanyak 10



HEE Sem (kiri) menyantuni peserta temuduga selepas melancarkan gimik perasmian Mini Karnival 3 Daerah Peringkat Negeri Melaka (Jasin) di Pasaraya Mydin Jasin. Foto: MR. Azli

syarikat swasta dan kerajaan menawarkan peluang pekerjaan dalam karnival tersebut.

"Karnival Kerjaya di Alor Gajah dan Melaka Tengah yang diadakan sebelum ini menunjukkan pencapaian memuaskan kerana telah memberi peluang

pekerjaan kepada graduan, individu yang ingin menukar pekerjaan serta pelbagai lagi.

"Kita berhasrat untuk menganjurkannya pada tahun hadapan sekali gus ia akan membantu rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19 selama dua tahun ini be-

rikutan ramai individu yang hilang pekerjaan dan ini amat membantu pada pengangguran yang ada.

"Karnival yang diadakan sebelum ini juga telah memberikan pekerjaan kepada 213 pencari kerja dan 570 orang untuk temu duga kali kedua," katanya.

## Karnival Kerjaya: 6,050 sudah dapat kerja



ANTARA pencari kerja yang hadir di Mini Karnival 3 Daerah Peringkat Negeri Melaka di pasaraya Mydin Jasin. Foto: MR. Azli

**BEMBAN** - Karnival Kerjaya 3 Daerah Peringkat Negeri Melaka wajar diteruskan pada tahun akan datang setelah melihat kejayaannya memberi ribuan pekerjaan kepada pencari kerja di negeri ini.

Pengurus Besar Institut Tun Perak (ITP), Hazzlan Sama berkata, pihaknya komited bersama-sama agensi kerajaan negeri bagi menjayakan program berkenaan dalam usaha mengurangkan kadar pengangguran.

Beliau berkata, menerusi pelbagai program termasuk dua penganjuran program berkenaan sebelum ini sebanyak 6,050 pekerjaan telah diisi menerusi MyFutureJob di Melaka setakat Nov lalu.

"Kita komited untuk membantu kerajaan negeri bersama pihak PERKESO dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) untuk membantu memulihkan sektor kerjaya di Melaka

"Bagi sambutan kali ini alhamdulillah kita dapat menerima pendaftaran seramai 500 orang dari Melaka khasnya di Jasin untuk datang menjalani temu duga secara terus bersama majikan.

"Pihak ITP bersedia bersama-sama se kali lagi jika diberi ruang untuk melaksanakan karnival kerjaya bersama PERKESO dan UPEN pada tahun hadapan.

"Sayapercaya program seperti ini sedikit sebanyak membantu rakyat melaka untuk mencari kerja terutama golongan anak muda dan individu yang terkesan dengan pandemik COVID-19," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Melaka Hari Ini selepas menghadiri Mini Karnival Kerjaya 3 Daerah Peringkat Negeri Melaka diadakan di Mydin Jasin, di sini hari ini.

Sementara itu Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Datuk Maslina Baki berkata, penganjuran program seperti itu seiring bagi mencapai hasrat kerajaan negeri dalam misi mengurangkan pengangguran dalam tempoh 100 hari.

Beliau berkata, program karnival kerjaya yang diadakan itu merupakan lanjutan kepada dasar kerajaan negeri bagi mengenal pasti peluang pekerjaan buat rakyat Melaka yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

## Tawar peluang kerja melalui Pusat Satelit Luar Bandar

**BEMBAN** - Pusat Satelit Luar Bandar akan ditubuhkan bagi menawarkan pelbagai peluang pekerjaan kepada rakyat Melaka sekali gus mencapai hasrat mengurangkan kadar pengangguran di negeri ini.

Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Melaka, Abdul Razak Omar berkata, setakat ini pihaknya menumpukan tiga kawasan di luar bandar iaitu

di Kampung Tehel, Paya Rumput dan Alor Gajah sebagai lokasi pusat tersebut.

Jelasnya, pihaknya akan bekerjasama dengan Pusat Daerah Komuniti (PDK) bagi menjalankan fungsi utama pusat berkenaan iaitu sebagai lokasi sesi temu duga, selain hab untuk mencari peluang pekerjaan.

"Pusat satelit ini akan menjadi asas kita lebih mendekati masyarakat

kat dalam membantu mereka di kawasan tersebut sekali gus akan memudahkan mereka.

"Kita harap pusat satelit ini dapat membantu di kawasan yang lebih terpencil supaya mereka akan dapat akses kepada MyFutureJob dan kita juga akan adakan sesi temu duga pekerjaan yang bukan saja kita fokus kepada kawasan bandar tapi kita juga fokus di kawasan yang lebih terpencil," katanya dalam si-

dang media 23 Dislalu.

Dalam pada itu, menurutnya, pusat satelit itu tidak akan terhad kepada sektor-sektor tertentu, sebaliknya ia akan dibuka secara meluas kepada semua majikan.

Malah katanya, inisiatif itu juga seiring bagi membantu majikan di negeri ini yang sukar untuk mendapatkan pekerja selepas dilanda pasca penularan pandemik COVID-19.



ABDUL Razak

# Klebang: Cari jalan selesai masalah rakyat

**KLEBANG** - Walaupun sibuk dengan tugas sebagai Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, ia tidak menghalang Senator Datuk Lim Ban Hong berkhidmat untuk masyarakat di Klebang.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klebang, baru-baru ini sempat meninjau permasalahan beberapa keluarga di Pulau Gadong dan Gedung Lalang.

Beliau berkata, pihaknya bersama agensi terlibat akan segera mencari jalan penyelesaian untuk membantu masalah banjir yang membenggu penduduk di kawasan tersebut.

"Menziarahi beberapa keluarga di Gedung Lalang dan Pulau Gadong yang terkesan dengan banjir kilat untuk bersama-sama mencari jalan penyelesaian."

"Terima kasih kepada kepimpinan kawasan yang sentiasa bersama dalam membantu rakyat," katanya dalam satu hantaran di Facebook.

Dalam pada itu, beliau bersama skuad sukarelawan CRSM MCA Melaka turut mengadakan lawatan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan (SK) Krubong bagi membantu mangsa banjir yang terkesan di kawasan itu.

Dalam lawatan tersebut, beliau telah mengagihkan sumbangan makanan berupa makanan dan minuman kepada penghuni PPS tersebut.

Pada masa sama, beliau sempat merakamkan ucapan terimakasih kepada semua pihak yang membantu mangsa banjir di negeri ini khususnya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), RELA serta semua kepimpinan setempat.



BAN Hong (kanan) menyelami masalah penduduk di Klebang yang terkesan dengan banjir, baru-baru ini.

## Pantai Kundor: Kak Ina prihatin masalah penduduk



TUMINAH meninjau kerja-kerja pembersihan pokok tumbang di Pantai Puteri.

**PANTAI KUNDOR** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor, Tuminah Kadi mengambil inisiatif turun padang setiap hari bagi meninjau permasalahan dihadapi penduduk di kawasan itu.

Antara aduan yang diterimanya baru-baru ini termasuklah saluran longkang yang tidak dibersihkan oleh kontraktor lantikannya di kawasan tersebut.

Beliau berkata, tindakan segera dilakukan sejurus menerima aduan daripada Pengurusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), Salizah Dolmat berikutan masalah terbabit.

"Menerima aduan daripada Pengurusi JPKK berkenaan saluran longkang yang tidak dibersihkan oleh kontraktor yang dilantik...Kak Ina turun padang bagi meninjau keadaan sebenar longkang tersebut.

"Pengaliran air tidak lancar

dan boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk serta banjir kilat dikawasan berkenaan.

"Kak Ina akan berhubung dengan agensi yang terlibat supaya tindakan segera boleh diambil bagi mengatasi masalah ini demi keselamaan penduduk," katanya menerusi satu hantaran di Facebook rasminya, 20 Dis lalu.

Selain itu, Tuminah turut meluangkan masa meninjau kerja-kerja pembersihan pokok tumbang di sekitar Pantai Puteri akibat kejadian air pasang besar baru-baru ini.

"Ribuan terima kasih diucapkan kepada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) kerana memberikan kerjasama yang baik pada setiap aduan yang diberikan.

"Tindakan pantas MBMB amat dihargai demi keselamatan pengunjung yang beriadah di Pantai Puteri," katanya.

## Asahan: Masjid RM8 juta akan dibangunkan di Selandar

Fiqah Jamal

**ASAHLAN** - Permohonan kariah di kawasan Selandar menantikan sebuah Masjid baharu setelah sekian lama bakal tercapai.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Asahan, Fairul Nizam Roslan berkata, permohonan masjid baharu Selandar yang dianggarkan bernilai RM8 juta itu masih menunggu kelulusan di peringkat Kerajaan Persekutuan.

tuan.

Katanya, beliau akan ke Putrajaya minggu ini untuk mendapatkan status terkini permohonan terbabit.

"Dikabarkan Masjid baharu Selandar sudah diluluskan, namun perkara itu masih belum dipastikan benar atau tidak, jadi minggu ini saya akan ke Putrajaya untuk mendapatkan kesahan dan status terkini permohonan masjid baharu itu.

"Dianggarkan masjid ba-

haru yang sudah sekian lama diminta oleh kariah di Selandar itu akan menelan belanja sehingga RM8 juta, namun sekiranya dah lulus, kita nak pecah tanah, saya akan beritahu semula nilai sebenar pembinaan masjid itu kelak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam sidang media selepas meraikan lima atlet angkat berat yang berjaya meraih emas dalam Karnival Bakat Sukan di Dewan

JAPERUN Asahan, 22 Dis lalu.

Dalam perkembangan lain, Fairul Nizam sedang mengusahakan perkhidmatan ambulans di Klinik Kesihatan Nyulas.

"Klinik Kesihatan Nyulas kita nak ada perkhidmatan ambulans, namun sekarang ini, Dr Rusdi (Pengarah Kesihatan Negeri) sedang menyusun atur perjawatan kerana apabila ada ambulans, perlu ada doktor on call," ujarnya.



FAIRUL (kiri) ketika menyempurnakan Majlis Berkhatan DUN Asahan, baru-baru ini.



# MIMBAR MAIM

“Be na r-be na r sang a t beruntung o ra ng-o ra ng ya ng me mb e rsihka n di i deng a n be rim a n dan se ntia sa b e rzikir me nye b ut na ma Tuha nya se rta me nge ja ka n se mba hyang.” (Surah Al-A’la, ayat 14-15)

“De mi se sung g uhnya ! Ka mi a ka n me ng uji ka mu de ng a n se dikit ke ta kuta n, ke la pa ran, da n ke kura ng a n da ri ha rta b end a se rta jiwa da n ha sil ta-na man. Da n be rila h kha barg emb ira ke pada o ra ng yang sabar.” (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

## Pahala wakaf sentiasa berpanjangan

Erwin Abu Hasan  
erwin@maim.gov.my

WAKAF dari segi bahasa bermaksud berhenti, menegah dan menahan manakala dari segi istilah, wakaf adalah menahan benda agar tidak dimiliki serta supaya manfaatnya boleh disedekahkan.

Sebaik sahaja diwakaf maka jadilah pemilikan harta itu beralih kepada pemilikan Allah SWT.

Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Apabila matinya seorang manusia, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah atau ilmu yang di-

manfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya.”

Pahala sedekah jariah akan terus mengalir kepada orang yang melakukannya sedangkan sedekah lain, pahalanya tidak berterusan mengalir seperti sedekah amal jariah atau wakaf.

Golongan ulama mengemukakan pengertian wakaf dengan jelas antaranya : Ibn Hajar al-Haitami menyebut takrif wakaf sebagai: “Menahan harta yang mungkin boleh dimanfaatkan selama bendanya masih baik dengan cara memutuskan hak pemilikan atas harta tersebut dan dialihkan untuk kepentingan-kepentingan yang di-

bolehkan.”

Dapat difahami, wakaf dierti kan sebagai amalan menyerahkan sebahagian harta dimiliki untuk dimanfaatkan masyarakat Islam khususnya bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Wakaf memutuskan segala bentuk hak dan penguasaan pewakaf ke atas harta yang diwakafkan yang mana orang yang mewakafkan hartanya akan diganjarkan pahala berkekalan selama mana harta wakaf itu masih ada dan terus dimanfaatkan ke arah kebaikan serta tidak musnah.

Sudah tentu ia berbeza dengan sedekah lain sebagai contoh seseorang mewakafkan wang RM 10 un-

tuk pembinaan masjid dan selagi manamasjid itu kekal, selagi itu pahala akan mengalir kepada pewakafnya.

Bagi sedekah pula seperti seorang menyedekahkan RM 10 kepada peminta sedekah dan wang berkenaan digunakan untuk membeli makanan bagi menghilangkan kelaparan.

Seperi sedia maklum, di Majlis Agama Islam Melaka(MAIM) turut disediakan perkhidmatan wakaf yang menjurus kearah pewakafan pelbagai kaedah lebih-lebih lagi pada ketika urusan wakaf sangat di galakkan bagi meningkatkan ekonomi umat Islam.

Di MAIM, terdapat beberapa

kategori wakaf yang disediakan antaranya wakaf khas, wakaf am dan juga wakaf saham.

Umat Islam yang berniat untuk melaksanakan syariat wakaf boleh hubungi MAIM Seksyen Wakaf di talian 06-2837416 atau layari laman web www.maim.gov.my.

Sebagai kemudahan bersama, pihak MAIM turut akan turun padang memberi penerangan dan pencerahan berkaitan manfaat wakaf di sekitar negeri ini bagi memberi peluang dan ruang pahala kepada umat Islam yang berniat untuk mewakafkan sebuah harta mereka demi jalan Allah SWT.



TIMBALAN Pengerusi MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmud menyampaikan sumbangan cek kepada wakil beberapa buah masjid dan surau di negeri ini bagi tujuan pemberian dan pembinaan baharu. Turut kelihatan Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim.

### LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809  
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415  
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | [www.maim.gov.my](http://www.maim.gov.my)

Email | [admin@maim.gov.my](mailto:admin@maim.gov.my)

Youtube | [majlis agama islam melaka](#) Facebook | [facebook/maimmelaka](#)

“Pengagihan zakat yang telus amanah kami”



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

Erwin Abu Hasan  
erwin@aim.gov.my



**PRIHATIN...**Kehadiran Timbalan Pengurus MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmud menceriakan penghuni Pusat Permudahan Sementara (PPS) mangsa banjir di sekitar negeri ini. Beliau turut menyampaikan kit makanan asas dan menyantuni penguni PPS berkenaan yang terkesan akibat banjir besar yang telah melanda negeri ini. Hadir sama Ketua Seksyen Pembangunan Insan MAIM, Arina Saffura Alim.



# Ganjaran yang dijanjikan oleh Allah SWT



Datuk Hj. Ibrahim

Bin Fadil

Ke tua Pe gawa i  
Ekse kutif Za kat Me la ka,  
Majlis Agama ma  
Isla m Me la ka .

SETIAP tahun pada bulan Ramadan ramai umat Islam menunaikan kewajipan berzakat di institusi zakat seluruh negeri di Malaysia khususnya di Zakat Melaka. Bukan sahaja menunaikan Zakat Fitrah, bahkan Zakat Harta juga turut ditunaikan oleh pembayar zakat. Hal ini kerana, pembayar zakat mengambil peluang mengejar kebaikan dan keberkatan pada bulan yang mulia. Pada hujung tahun pula, suasana meriah dan ramai umat Islam menunaikan tuntutan ibadah zakat secara tahunan.

Pembayaran zakat pada hujung tahun sering dikaitkan dengan pelarasan cukai pendapatan. Apabila menyentuh topik zakat dan cukai, sememangnya ramai yang mencari jalan untuk mengelak daripada membayarnya. Terdapat juga segelintir masyarakat Islam yang lebih takutkan kepada agensi percuakan berbanding dengan perintah Allah SWT untuk menunaikan ibadah zakat. Umat Islam seharusnya tahu perbezaan di antara zakat dan cukai.

Persoalan yang sering menjadi tanda tanya masyarakat, apabila menunaikan zakat atau membayar cukai itu mana patut diutamakan. Kedua-duanya menjadi keutamaan dalam menstabilkan ekonomi negara dan mengukuhkan pegangan agama serta tidak wajar melanggar peraturan-peraturan pemerintah yang telah ditetapkan sebagai tanggungjawab individu dan masyarakat setempat.

Zakat ialah mengeluarkan harta menurut

tuntutan syarak yang wajib diberikan kepada golongan asnaf yang berhak menerimanya untuk meringankan beban mereka. Zakat wajib dikeluarkan apabila cukup syarat-syaratnya. Manakala, cukai pendapatan ialah bentuk pembayaran yang dikenakan oleh kerajaan ke atas rakyatnya tidak kira agama yang kemudian digunakan untuk perbelanjaan negara. Cukai pendapatan harus dikeluarkan oleh mereka yang cukup syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Zakat adalah ketetapan daripada Allah SWT, manakala sistem cukai pula adalah ketetapan daripada kerajaan.

Sememangnya tidak dinafikan fungsi penubuhan agensi percuakan adalah sebagai pengutip hasil negara bagi menjaga kebaikan dan infrastruktur negara. Akan tetapi sebagai umat Islam, kita adalah diwajibkan untuk menunaikan ibadah zakat pada setiap tahun bagi memenuhi tuntutan dan perintah Allah SWT sekiranya mencukupi syarat-syarat wajib zakat.

Oleh yang demikian, umat Islam diberi keistimewaan oleh agensi percuakan dengan diberi pengecualian atau rebat 100% cukai pendapatan bagi memenuhi tuntutan Rukun Islam ketiga iaitu ibadah zakat. Namun begitu, harus diingatkan bahawa setiap perbuatan haruslah disertai dengan niat. Tanpa niat yang betul dikhuatiri akan mengakibatkan zakat yang ditunaikan tidak akan mendapat ganjaran dan keberkatan daripada Allah SWT.

Umat Islam di Malaysia lazimnya mengambil peluang sehingga hujung tahun bagi menunaikan kewajipan berzakat. Oleh itu, perlu diingatkan bahawa sebaik-baiknya janganlah bertangguh-tangguh dalam melaksanakan segala ibadah termasuklah ibadah zakat ini. Tunaikanlah zakat dengan segera supaya harta yang dimiliki akan bertambah berkat dan Allah SWT pastinya akan melipatgandakan rezeki sekaligus memberi manfaat yang cukup besar kepada kehidupan asnaf.

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :  
Ibu Pejabat, Tel: 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel: 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel: 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel: 06-5294635
- Cawangan Melimau, Tel: 06-2633148
- Cawangan Pulu Sebang, Tel: 06-4413358
- Cawangan Ute Melaka, Tel: 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp  
Info Pertanyaan Zakat - (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat  
(011-58583900) Laman Web : [www.izakat.com](http://www.izakat.com)

Ini bertepatan firman Allah SWT di dalam Surah Al-Baqarah ayat 261, yang bermaksud: "Bandingan (derma) orang yang membela-jakan hartanya pada jalan Allah SWT, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh me-nerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingat-lah), Allah SWT melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah SWT Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya."

Penularan pandemik Covid-19 setelah hampir dua tahun sedikit sebanyak memberi impak dari segi tekanan dan cabaran kepada umat Islam khasnya di Malaysia dalam menunaikan tanggungjawab serta kewajipan beribadah. Namun begitu, agensi zakat setiap negeri menggalas tanggungjawab dengan mewujudkan pelbagai inisiatif bersesuaian

dengan norma baharu bagi membantu masyarakat Islam melunaskan zakat. Sebagai contoh, umat Islam boleh mengambil pe-luang melunaskan zakat secara dalam talian (online). Selain daripada itu, pembayaran di kaunter, haruslah mengikut norma baharu serta mengamalkan prosedur operasi standar (SOP) yang telah disarankan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Semoga dengan tertunainya zakat tersebut dapat membantu golongan yang terjejas pendapatannya akibat pandemik Covid-19 ini.

Sebarang pembayaran & pertanyaan tentang info zakat bolehlah layari [www.izakat.com](http://www.izakat.com) atau menghubungi di talian 1300-88-0233 di Zakat Melaka atau ting-galkan mesej di talian Whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP), Seksyen 6A (3), memberi keistimewaan kepada orang-orang Islam iaitu:

**100% Rebат Cukai Pendapatan Dengan bayaran ZAKAT**



**"Jom Tunaikan Zakat Sebelum 31 Disember 2021"**

Semakin banyak zakat yang ditunaikan semakin kuranglah kadar cukai pendapatan yang akan dikenakan.

**"ZAKAT - Bersih Jiwa, Suci Harta"**

Talian Zakat:  
**1-300-88-0233** Zakat Melaka [www.izakat.com](http://www.izakat.com)

ZAKAT MELAKA  
Bersih Jiwa Suci Harta

Hanya **2.5%**

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi!"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: [www.izakat.com](http://www.izakat.com)

Erwin Abu Hasan  
erwin@maim.gov.my



**TANGGUNGJAWAB SOSIAL...**Sebahagian pegawai dan kakitangan Majlis Agama Islam melaka (MAIM) bersama Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) melaksanakan program gotong-royong di Surau Kariah Telok Berembang yang telah dilanda banjir besar baru-baru ini. Program itu juga menarik perhatian Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim yang sudi melaungkan masa hadir bersama-sama membersihkan surau dan kawasan sekitar.



مجلیس اکاعما ملک  
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA



## NOTIS MAKLUMAN

Adalah dimaklumkan bahawa proses kemasukan bantuan bulanan secara bank-in bagi asnaf fakir, miskin dan muallaf akan berlaku **KELEWATAN** pada bulan **Januari 2022** bagi tujuan penyelarasan akaun MAIM untuk tahun 2022. Segala kesulitan amat dikesali dan kesabaran tuan/puan amat dihargai.



DR. SHANKAR GUNARASA

**PANTAI HOSPITAL**  
Ayer Keroh

**SUATU** ketika dahulu, jika seseorang pesakit menghidapi barah di pangkal rektum, kebarangkalian besar pesakit tersebut akan mempunyai stoma seumur hidup selepas pembedahan sememangnya tinggi. Tetapi dengan kemajuan teknikal dari segi pembedahan, stoma ini dapat dilakukan dengan pembedahan TAMIS.

TAMIS atau nama penuhnya Transanal Minimally Invasive Surgery ialah jenis pembedahan laparoscopic yang dilakukan melalui dubur dengan menggunakan peralatan khas bagi memudahkan pembedahan. Prosedur TAMIS dilakukan khas untuk barah kecil (T1) kurang dari 3 sentimeter (cm) atau barah polip yang berada di pangkal rektum dan bukan di kolon (colon). Bagaimanapun, barah yang saiznya yang lebih besar atau stage T (saiz barah) lebih dari T1 sememangnya tidak layak untuk pembedahan ini.

Walaupun statistik kanser kolorektal di negara ini menunjukkan hampir 45 peratus kanser kolorektal didiagnosis pada tahap 3 dan 4, namun prosedur TAMIS ini sangat memadai bagi segelintir pesakit yang menghidapi barah peringkat awal kanser rektum sahaja. Prosedur ini akan mengambil masa di antara 1 jam sehingga 3 jam dan kebaikan pembedahan ini ialah pesakit dibenarkan pulang ke rumah keesokan harinya.

Apakah prosedur sebelum pesakit layak untuk menjalani pembedahan

# TAMIS : Kemajuan pembedahan kanser kolorektal yang perlu anda ketahui

## TAMISini?

Pesakit sebelum itu perlu menjalani ujian diagnostik seperti:

### KOLONOSKOPI / SIGMOIDOSCOPY

Prosedur ini dijalankan untuk memastikan barah di pangkal rektum dan posisinya, mengambil tisu biopsy untuk mengesahkan barah dan memastikan tiada lagi barah synchronous (sama) di bahagian usus yang lain.

### MRI PLEVIS

Ini untuk memastikan yang "akar" barah kecil di rektum tersebut adalah di tahap T1 (tahap submukosa). Sekiranya lebih dari T1, kebarangkalian untuk kesan barah merebak ke lymph node sememangnya ada dan jika ini berlaku, prosedur TAMIS tidaklah sesuai untuk pesakit tersebut. Golongan pesakit ini lebih sesuai untuk pembedahan "complete resection" dari segi laparoskopi abdomen ataupun laparotomi

### ENDORECTAL ULTRASOUND

Bagi pakar bedah kolorektal yang berkemahiran melakukan ujian diagnostic ultrasound endorectal, ultrasound ini memang sesuai mendiagnosis barah awal T1 atau T2. Ini dapat dilakukan sebagai "office procedure" tanpa sebarang masalah.

Apakah risiko untuk prosedur TAMIS? Risiko yang boleh timbul dari prosedur ini ialah

- Pendarahan dari tempat pembedahan. Ini boleh berlaku semasa pembedahan atau selepas pembedahan.
- Infeksi di bahagian lapisan pembedahan TAMIS.
- Kebocoran di lapisan rektum



semasa pembedahan di mana bahagian kebocoran tersebut terpaksa diperbaiki secara jahitan melalui pembedahan laparoskopi abdomen atau secara laparotomi.

- Barah timbul semula. Ini boleh berlaku jika "margins" yang secukupnya tidak dikeluarkan semasa pembedahan awal.
- Kecederaan sphincter anus disebabkan oleh peralatan laparoskopi di dubur yang boleh berlaku sekiranya "set-up" yang di lakukan tidak cermat.



Siapakah yang tidak layak untuk prosedur TAMISini?

- Barah rektum yang besar dari 3 cm atau lebih dari T1 staging.
- Mempunyai kesan merebak di lymph node (kelenjar).

- Barah terlalu dekat di anus atau pangkal anus.
- Barah yang berulang dari pembedahan TAMIS yang terdahulu.

Sememangnya pembedahan / prosedur TAMIS ini memberi manfaat kepada pesakit barah awal rektum dan tidak memerlukan stoma. Oleh itu anda semua di galakkan untuk menjalani ujian saringan kolonoskopi agar barah ini dapat dikesan di peringkat awal.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut tentang prosedur / pembedahan TAMIS ini atau sebarang jenis pembedahan laparoscopic kanser usus, anda boleh berhubung dengan Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.





# SMART A+

WWW.KIBGIM.COM

SCAN HERE

SOALAN LATIHAN & TEKNIK  
MENJAWAB SPM  
SUBJEK: BAHASA INGGERIS

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &  
MENGINSPIRASI  
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

SUBJEK: BAHASA INGGERIS

**PAPER 2 (119/2) – WRITING**

Time Allocation: 1 Hour 30 Minutes

Total Marks: 60 Marks


**Extended Writing**

3 questions

20 marks

Require length: 250 words.

In part 3, candidates have a choice and there are three different tasks to choose. The tasks types may include an article, a review, a report or a story and candidates have to choose ONE. They have to write for about 250 words.

**There are three steps to follow:****Planning and brainstorming ideas**

- ✓ Choose the easiest topic to write about
- ✓ Brainstorm your ideas for each point listed and choose the ones with more contents to write.

**Drafting – Crafting**




- ✓ Expand your ideas into paragraphs
- ✓ Make sure to include further explanation and examples

**Improving**

- Step 1: Give a fancy and catchy introduction to your writing
- Step 2: Address the tasks in the question
- Step 3: Elaborate by giving examples or details
- Step 4: Use some cohesive devices and connectors
- Step 5: End your essay nicely
- Step 6: Check your grammar

**Tips and Techniques**

1. Read the question.
2. Plan and organize the structure of the essay.
3. Each paragraph must have one main idea.
4. Plan the story.
  - i. Exposition (Beginning)
  - ii. Rising Action
  - iii. Climax
  - iv. Falling Action
  - v. Resolution (Conclusion)

**5. Use I THINK MAP and 5 W 1 H****Using Flow chart map****5 W 1 H technique****6. There should be 5 paragraphs****7. Use suitable expressions and vocabulary to capture the audience's attention.**

Nouns	Verbs	Adjectives	Linking words
Belief	Think	Wider	So/Consequently
Evidence	Test	Different	But/However
Reason	Connect	Explicit	Because
Idea	Rate	Observed	Instead
Claim	Create	Defined	Also
Theory	Compare	Deliberate	Therefore
Deduction	Generalise	Thoughtful	Conversely
Analysis	Speculate	Speculative	According to
Conjecture	Justify	Weighted	
Hypothesis	Challenge	Recognised	
Supposition	Verify	Convincing	
Principle	Refute		

**Synonyms for the most used verbs**

begin	make	do	show	come
start	create	execute	display	approach
launch	originate	enact	exhibit	advance
initiate	invent	carry out	point to	near
commence	form	accomplish	indicate	arrive
open	beget	finish	present	reach
stop	destroy	cry	hurt	break
cease	ruin	shout	damage	fracture
halt	demolish	yell	harm	shatter
stay	raze	scream	injure	smash
pause	waste	yowl	wound	wreck
discontinue	kill	roar	distress	crash
run	jump	keep	fly	hide
dash	leap	hold	soar	conceal
jog	spring	retain	hover	cover
race	bounce	withhold	flit	mask
rush	bound	preserve	wing	cloak
sprint	skip	maintain	flee	camouflage

**8. Use suitable connectors - to link the paragraphs****9. Check spelling and punctuation especially if the story has dialogues.****10. Use suitable similes, metaphors, onomatopoeia, adjectives or adverbs with the story.****PRACTICE 1:**

Your teacher has asked you to write a story for the school magazine. The story must have the title:

**A Dangerous Encounter**

Your story should include:

- A description of the encounter
- How you dealt with the situation

Write your story.

**PRACTICE 2:**

Your teacher has asked you to write a story for the school magazine. The story must have the title:

**An Unforgettable Trip**

Your story should include:

- A description of the trip
- What made the trip unforgettable

Write your story.



PROF. DATO' DR. AHMAD MURAD MERICAN

IN a letter to the editor of 1930's Bahasa Melayu daily *Warta Malaya*, Sulaiman Ahmad announced the establishment of the first Anglo-Malay school in Singapura.

The letter published on 8 December 1934 read as follows: "With the sole intention to serve the *bangsa* and *tanahair*, in all humility I inform the establishment of an English and Malay school called the "Anglo-Malay School" at Jalan Lembu, between Syed Alwi Road and Diskar Road. And it can be said that this is the first English and Malay school in the city of Singapura" [Dengan tujuan semata-mata hendak memperhambakan diri kepada bangsa dan tanahair saya dengan beberapa hormat dan takzim, memaklumkan yang sayatelah membuka sebuah sekolah Inggeris dan Melayu yang digelar "Anglo-Malay School dalam Jalan Lembu Road, di antara Syed Alwi Road dengan Diskar Road dan boleh dikatakan iaitu sebuah sekolah Inggeris dan Melayu yang pertama sekali dibuka dalam bandar Singapura] (*Warta Malaya*, 8 December 1934, p. 7)

The main idea behind the move, according to Sulaiman, was to enable Malay children to be bilingual by training them in translating from Bahasa Melayu to the English language and vice-versa. Sulaiman was also described as a "Malay Guru" who "has given private tuition to a number of prominent Europeans in Singapore" since the 1920s. He has published two editions of the book *Good Malay for Beginners*. This was reported in the 30 September 1946 issue of *The Straits Times*.

Sulaiman was born circa 1892 in Terong, Perak. He realized his ambition in Singapura; and had always wanted to be a "teacher, author, editor and journalist." Many years ago while rummaging through a box of old photographs, I chanced upon a photograph of Sulaiman Ahmad, with the caption: "Sulaiman Ahmad, author, editor, journalist."

Known in his family narrative as an advocate on education and the literary, Sulaiman was the pioneer on a distinct genre in Bahasa Melayu periodical publishing before the Second World War. Unlike the 'Rokam-bul' of Sayyid Sheikh al-Hadi, the traditional Pa' Pandir tales, riddles and jokes, columns, episodes of the *Thousand and One Nights*, or articles ranging from the art of the conjuror to the history of ballooning, Sulaiman's journalism instead, was to provide 'a good read.' It was solely to amuse, relax and entertain.

He was prolific. He had some seven magazines in his stable, published and edited in Singapura between 1932 and about 1937. William R. Roff (1972), describes Sulaiman as "the single most determined purveyor of light reading" in the

# Sulaiman Ahmad, *Kemajuan Melayu* and *Melayu Muda*: The 1930s Pioneer of 'Good Read' Journalism

1930s. But Sulaiman was not completely without the desire to instruct his fellow men (even if only to be fashionable). His first two magazines the *Kemajuan Melayu* (1932 - ?) and *Tanah Melayu* (1933 - 1937) were banned by the religious authorities of Johor and Terengganu, allegedly for printing salacious photographs.


According to Roff, the holdings of *Kemajuan Melayu*, listed under University of Malay Library, cannot be traced. *Tanah Melayu*, published irregularly from mid 1933, became a monthly from March 1934 to October 1936, and again from January 1937.

Sulaiman continued devoting himself to entertainment, publishing in succession *Dunia Sekarang* (1934 - 1935), *Shorga Dunia, Melayu Muda* (1936 - 1936), *Penggeli Hati* (1936) and possibly others. It was said that *Dunia Sekarang* was also prohibited from entering Johore and Terengganu. In one of the issues, the periodical advertised itself as "...menghibur dan menyenangkan hati pembaca" (...entertaining and getting readers to feel good). It described itself as "An illustrated Malay fortnightly newspaper devoted to amusement and worldly pleasure." Sulaiman was most enthusiastic of the genre, though he may not have been wholly representative.

*Dunia Sekarang* was sold for five cents



PHOTO OF SULAIMAN AHMAD, AUTHOR, EDITOR, JOURNALIST.

AN IMAGE OF THE NEWSPAPER *KEMAJUAN SEKARANG*.

And *Melayu Muda* which appeared on 13 July 1936, reflected the initiative. There was also a slogan which said "Jika Tuan Sayang-

**"Sulaiman was fond of experimenting with his periodicals. And *Melayu Muda* which appeared on 13 July 1936, reflected the initiative. There was also a slogan which said "Jika Tuan Sayangkan Bangsa, Tuan Bacalah Akhbar Ini"**

with a subscription rate of \$1.50 per year. Its advertising rates were \$20.00 for one full page; \$12.00 for half a page, and \$8.00 for a quarter of a page. Its circulation in 1934 was 2,500 copies per issue. It declined to 1,500 copies per issue in 1935.

The newspaper *Melayu Muda* would be seen to be socially progressive. It was described in English on the front page of the periodical: "A Malay (fortnightly/ weekly) newspaper devoted to reformation and progress of the Malays." According to Hamidi Mohd. Adnan (2015), Sulaiman was fond of experimenting with his periodicals.

kan bangsa, Tuan Bacalah Akhbar Ini" (If you love your race, read this newspaper).

Published for the Royal Publishing Co at No. 28 Chulia Street, Singapura, the Jawi, four-paged weekly, appeared every Monday. It was sold for five cents per copy, then among the cheapest periodical before 1957. *Melayu Muda* carried writings advocating for change and development among the Malays. The newspaper carried a leader, brief commentaries, opinions and letters to the editor. There were also advertisements.

*Melayu Muda*, which had a circulation

of some 2,000 copies per issue, debated on the backwardness of the Malays; development and Islam. It was significant to note then that the newspaper had argued that Malay backwardness was not because of the lack of capital, but for the lack of knowledge. Hence Sulaiman advocated for teaching the Malays on business and industry.

Roff suggests that in Sulaiman, we see that Malay journalism has finally come of age with regular appearance of magazines devoted to entertainment. Sulaiman may have been the precursor of Malay pop culture which began to flourish in the early 1940s with the monthly *Filem Melayu* (May? 1941 - )

**NEXT WEEK:  
*Saudara* (1928 - 1941)**

\*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.

Siti Salehah

**BANDA HILIR** - Sindiket pemedagangan bayi dikenali Geng Nana tumpas apabila kesemua 14 ahli termasuk ketuanya dicekup polis dalam beberapa siri tangkapan bulan ini.

Seuja suspek ditahan dalam Ops Pintas Nana yang dijalankan bermula 1 Dislalu dan menyelamatkan tiga bayi berusia dua hingga tujuh bulan serta seorang kanak-kanak perempuan berusia lima tahun.

Ketua Polis Melaka Datuk Wira Abdul Majid Mohd Ali berkata, sembilan daripada 14 suspek ditahan itu adalah wanita termasuk warga Indonesia, manakala lima lagi adalah lelaki tempatan yang kesemuanya berusia antara 25 hingga 58 tahun.

Katanya, turut ditahan sepasang suami isteri berusia 40-an yang dipercayai membeli seorang bayi berusia tiga bulan daripada sindiket berkenaan dan kesemuanya suspek ditahan di sekitar daerah Melaka Tengah.

"Sindiket ini dipercayai aktif sejak Mac tahun lalu diketuai oleh wanita berusia 33 tahun dikenali sebagai Nana dengan mengiklankan bayi di laman sosial Instagram selain mengenal pasti mana-mana wanita mengandung luar nikah sebelum membuat tawaran.

"Ibu mengandung yang berminat kemudian akan dijaga sebelum melahirkan dan kemudiannya bayi itu akan dijual dengan harga RM 12,000 kepada keluarga angkat berminat," katanya.



ABDUL Majid (dua dari kiri) menunjukkan gambar suspek yang terlibat dalam sindiket pemedagangan bayi di negeri ini.

Masyarakat (JKM) dan pihak polis.

"Siasatan lanjut dijalankan mendapati sindiket ini dipercayai sudah menjual tiga lagi bayi kepada keluarga angkat dan usaha mengesan bayi ini giat dijalankan," katanya.

Beliau berkata, dalam serbuan itu polis turut merampas empat kenderaan, lapan telefon bimbit serta pasport termasuk dokumen digunakan untuk urusan kelahiran bayi dan serahan bayi.

Jelasnya, bayi dan

kanak-kanak yang berjaya diselamatkan kini berada dibawah JKM dan kesemua suspek direman sehingga 27 Disember ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 14 Akta Antipemedagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007.

## Nelayan, kaki pancing Melaka diingat utamakan keselamatan

**AYER KEROH** - Orang ramai khususnya komuniti maritim digesa supaya sentiasa mengutamakan keselamatan diri ketika melakukan aktiviti di pantai dan laut di perairan Melaka dan Negeri Sembilan.

Pengarah Maritim Melaka dan Negeri Sembilan, Kepten Maritim Haris Fadzillah Abdullah berkata, susulan cuaca yang tidak menentu serta laut bergelora Agensi Pengawasan Maritim Malaysia (Maritim) berharap langkah keselamatan dapat diambil.

"Mereka yang berisiko tinggi berhadapan dengan kecemasan di laut membabitkan golongan nelayan, penggemar aktiviti rekreasi seperti mandi laut serta memancing.

"Golongan ini boleh dikatakan tidak arif dengan 'marine nature' berbanding mereka yang bekerja secara harian di laut.

"Tambahan pula keadaan cuaca semasa di Malaysia tidak menentu berikutkan peralihan Monsun Timur Laut," katanya.

Menurut beliau Maritim turut meningkatkan pemantauan di kawasan tumpuan pelancong antaranya di Pantai Pengkalan Balak dan Tanjung Puteri di Melaka dan Telok Kemang serta Port Dickson, Negeri Sembilan.

"Selain itu pengusaha bot juga diingatkan agar mengutamakan faktor keselamatan selain orang ramai dinasihatkan mengambil langkah berjaga-jaga serta merujuk ramalan kaji cuaca bagi melakukan aktiviti air," katanya.



ANTARA program preventif SAR yang dilaksanakan oleh pikat APMM membabitkan nelayan Melaka dan Negeri Sembilan.

## Rumah Teres 2 Tingkat

Taman Bukit Beruang Indah



Keluasan:  
20' x 70'  
142 Meter  
Persegi

興地發展有限公司  
**HAMPSTEAD**  
DEVELOPMENT SDN BHD (212218-M)

Hampstead Development Sdn Bhd  
No. 1A-9, Jalan Kesidang 3/11, Bachang Mall,  
Off Jalan Tun Perak, 75300 Melaka.  
[www.chiphock.com](http://www.chiphock.com) / [hampsteaddsb@gmail.com](mailto:hampsteaddsb@gmail.com) / 06-3372505/7/9

**RM360,000**

# Selamat Menyambut Hari Natal & Tahun Baharu **2022**



Setulus Naklus Daripada



Mamee-Double Decker (M) Berhad

Lot 1, Air Keroh Industrial Estate, 75450 Melaka, Malaysia. Tel: +606-232 4466/232 4469 Fax: +606-232 9696

[www.mamee.com](http://www.mamee.com)

# Pertanian Bandar bantu kurang kos sara hidup - MAFI



AHMAD Hamzah menerangkan kaedah fertagasi digunakan untuk Kit Pertanian Bandar.

Siti Salehah

**MERLIMAU** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperuntukkan RM10 juta bagi memperluaskan lagi Program Pertanian Bandar atau Kebuniti pada tahun hadapan.

Timbalan Menterinya, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, peruntukan itu adalah usaha kementerian bagi membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat khususnya yang terkesan susulan pandemik COVID-19.

Beliau berkata, selain pertambahan jumlah peruntukan, bilangan peserta pada tahun hadapan juga akan diperluaskan.

"Pada tahun ini kita memperuntukkan RM4.5 juta yang memberi manfaat kepada 39,608 individu di seluruh negara dan untuk tahun hadapan kita peruntukan RM10 juta.

"Selain peruntukan tahunan, kerajaan juga memberi peruntukan tambahan sebanyak RM30 juta dan menjadikan jumlah keseluruhan untuk Program Kebuniti berjumlah RM63.32 juta sepanjang 2021," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Penyerahan Kit Pertanian Bandar Bagi Japerun Serkam dan Merlimau, 19 Dis lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah

"Se cara ke se luruhn pe runtukan untuk Melaka ta hun ini b e mila i RM3,795,500 dan untuk Parlimen Jas in sa haja se ra mai 890 me ne rima manfaat."

Zaidi Atan serta Pengarah Jabatan Pertanian Melaka, Rozli Azizi Talib.

Menurut beliau, menerusi Program Kebuniti, seramai 3,700 orang menerima manfaat bagi seluruh negeri Melaka sepanjang tahun ini.

"Secara keseluruhan peruntukan untuk Melaka tahun ini bernilai RM3,795,500 dan untuk Parlimen Jasin sahaja seramai 890 menerima manfaat.

"Untuk hari ini sebanyak 120 kit disediakan Jabatan Pertanian Negeri Melaka dan diagharkan kepada penerima di Dewan Undangan Negeri (DUN) Merlimau dan 150 kit lagi untuk DUN Serkam," katanya.

Mengulas lanjut Ahmad berkata, Program Pertanian Bandar adalah inisiatif diambil MAFI untuk memastikan aktiviti pengeluaran makanan disokong oleh semua peringkat masyarakat khususnya golongan B40.

## 70,000 anak ikan tilapia merah mati

Din Ahmad

**KUALA LINGGI** - Hanya selepas empat hari dilepaskan ke dalam sangkar, 70,000 anak ikan tilapia merah yang dipelihara melalui projek penternakan ikan air payau Jabatan Perikanan di Kuala Linggi, di sini mati akibat banjir.

Arus deras Sungai Linggi berikutkan hujan lebat di sebelah hulu sungai menyebabkan anak ikan yang dipelihara melalui projek penternakan itu tidak mampu bertahan.

Pengaruhnya Mohd Fauzi Salehon menjelaskan, hujan lebat mulai jam 3 petang, 17 Dis lalu menyebabkan arus sungai menjadi deras manakala sungai bertukar keruh dengan ketara.

"Kualiti air Sungai Linggi mengalami perubahan kadar keemasinan yang mendadak dan kadar kekeruhan air meningkat akibat kelodak yang dibawa oleh arus sungai.

"Kadar oksigen dalam sungai tidak stabil dan ini menyebabkan anak ikan tilapia mengalami tekanan sebelum mati," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Anak ikan berkenaan dilepaskan kedalam 64 sangkar ikan yang petak sangkarinya diperbuat daripada besi tahan karat manakala jaringnya diperbuat daripada nylon tahan rendaman dalam air payau pada 14 Disember lalu.

Sangkar yang setiap satu berukuran 3x4 meter itu dibina melalui pelaburan RM400,000

Jabatan Perikanan di perairan Kuala Linggi, iaitu lokasi pertembungan antara air masin laut dengan air tawar Sungai Rembau.

Ketua nelayan bagi projek itu, Azmi Mohd Nordin berkata, kejadian disedari pada malam 18 Dis lalu apabila ikan mati timbul di permukaan sungai.

"Beberapa peserta projek yang turun ke pelantar penternakan ikan sangkar pada malam itu terkejut apabila mendapati anak ikan sudah mati akibat banjir," katanya.

Azmi berkata, nelayan terbaik terpaksa menunggu peruntukan lain untuk mendapatkan anak ikan tilapia yang dijangka Jan depan.



SEBANYAK 70,000 anak ikan tilapia merah yang dilepaskan ke dalam sangkar ikan di Kuala Linggi pada 14 Dis lalu mati akibat banjir.

## Perkenal aplikasi e-Aduan lapor kerosakan di Bangunan Gunasama Persekutuan

Fiqah Jamal

**AYER KEROH** - Kakitangan kerajaan di Iapan Bangunan Gunasama Menara Persekutuan dan Wisma Persekutuan boleh melaporkan sebarang isu melibatkan kerosakan bangunan menerusi aplikasi e-Aduan bermula 22 Dis.

Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Hartanah Jabatan Perdana Menteri, Khairul Azhar (Nik) Abu Bakar berkata inisiatif melaporkan aduan menerusi e-Aduan itu dapat dimanfaatkan kepada semua jabatan kerajaan yang menghuni Bangunan Gunasama Persekutuan di Zon Selatan.

Katanya, aplikasi yang boleh dimuat turun dari Playstore dan



**KAHIRUL AZHAR** (kanan) ketika gimik pelancaran Aplikasi Mobil e-Aduan oleh Ambang Wira Sdn Bhd di Lobi Wisma Persekutuan, diiringi wakil dari Ambang Wira dan Bangunan Gunasama Wisma Persekutuan Melaka.

Appstore itu memberi kemudahan serta memberi maklumat status pemberitaan dengan lebih cepat dan aduan dapat diurus dengan lebih baik.

"e-Aduan merupakan satu model mklumbalas pelanggan yang dibangunkan oleh syarikat Ambang Wira Sdn Bhd bagi membolehkan pelanggan atau pengguna menyalurkan aduan menerusi telefon bimbit pintar.

"Menerusi aplikasi ini, pengguna boleh membuat aduan kerosakan bangunan untuk diambil tindakan segera oleh syarikat tersebut dan pengadu atau pengguna akan menerima status aduan dari masa ke semasa sehingga pembaharuan yang diadukan selesai," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Ambang Wira Sdn Bhd, Nik Adnan Nik Mohd Salleh berkata aplikasi e-Aduan itu akan digunakan oleh semua penghuni di setiap 20 bangunan gunasama Zon Selatan dan Zon Sarawak.

"Menerusi aplikasi ini, pengguna boleh melihat cara pengurusan serta jadual penyelenggaran fasiliti dilaksanakan termasuk input, data, aset atau rekod bangunan gunasama.

"Aduan penghuni akan dipantau dengan lebih berkesan secara digital serta akan memberi maklum balas efisien kepada pengadu serta aduan akan dipantau secara telus dan pengguna boleh melihat sejarah aduan," katanya.

(Pengurusan dan Regulatori) Jabatan Pertanian Malaysia, Norsam Alwi; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau, Dr Muhamad Akmal Saleh; ADUN Serkam, Datuk Zaidi Atan serta Pengarah Jabatan Pertanian Melaka, Rozli Azizi Talib.

Menurut beliau, menerusi Program Kebuniti, seramai 3,700 orang menerima manfaat bagi seluruh negeri Melaka sepanjang tahun ini.

"Secara keseluruhan peruntukan untuk Melaka tahun ini bernilai RM3,795,500 dan untuk Parlimen Jasin sahaja seramai 890 menerima manfaat.

"Untuk hari ini sebanyak 120 kit disediakan Jabatan Pertanian Negeri Melaka dan diagharkan kepada penerima di Dewan Undangan Negeri (DUN) Merlimau dan 150 kit lagi untuk DUN Serkam," katanya.

Mengulas lanjut Ahmad berkata, Program Pertanian Bandar adalah inisiatif diambil MAFI untuk memastikan aktiviti pengeluaran makanan disokong oleh semua peringkat masyarakat khususnya golongan B40.

# Martabat pantun dalam tiga bahasa

Faiz Hasan

**AYER KEROH** - Seni budaya dan warisan negeri akan terus dimartabatkan dengan penerbitan buku pantun dalam tiga bahasa berbeza.

EXCO Warisan dan Kebudayaan Negeri Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, langkah menerbitkan seni warisan itu dalam Bahasa Melayu, Inggeris dan Mandarin dipercayai mampu mempromosikan budaya negeri ini agar mudah difahami pelancong yang berkunjung ke Melaka.

Jelasnya, pihaknya komited untuk bekerjasama dengan Yayasan Hasanah dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bagi menerbitkan cetakan warisan negeri yang telah menerima pengiktirafan UNESCO pada tahun lalu itu.

"Dalam hal ini saya tengok setakat ini hari pantun ini berada diperingkat 'regional' jadi kalaaulah kita mendapat dorongan dari DBP dan Yayasan Hasanah, kita kena ada satu projek perintis dalam tempoh pasca COVID-19 ini untuk



MUHAMMAD Jailani (kiri) melancarkan Buku Pantun Merentas Zaman diadakan di Auditorium JKKN, baru-baru ini.

terbitkan buku pantun dalam tiga bahasa berbeza.

"Ia diterbitkan dalam Bahasa Melayu sebagai bahasa utama, diikuti Bahasa Inggeris dan Bahasa Mandarin. Kenapa Mandarin? Ini adalah kerana kadar pe-

lancongan nombor satu di Melaka ini adalah daripada China.

"Saya yakin seni budaya pantun ini penjalin hubungan silaturahim dan jika kita mengimarahkan pantun ini ianya boleh

menjadi satu katalis atau elemen yang meningkatkan lagi salah satu prinsip rukun negara kita iaitu kesopanan dan kesusaikan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sel-

pas merasmikan Penutupan Majlis Pentas Kemuncak Sanggar Berbalas Pantun dan Pelancaran Buku Pantun Warisan Merentas Zaman di Auditorium Panggung Seri, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian

Negara (JKKN) Melaka, 24 Disember.

Hadir sama, Pengarah JKKN Melaka, Ezlina Alias, Ketua Seni Warisan dan Ruang Awam Yayasan Hasanah Zainariah Johari dan Ketua Satu Persatuan Penulis Melaka (PENAMA) Zauwi Che Cob.

Mengulas lanjut, beliau berkata, penerbitan buku pantun itu merupakan langkah utama bagi mengekal dan mempromosikan budaya warisan yang terdapat di negeri ini.

Malah katanya, pelbagai pendekatan lain akan diambil kerajaan negeri bagi mengekalkan pelbagai warisan di Melaka termasuk menggunakan pendekatan secara dalam talian sebagai medium mendekati generasi muda.

"Kita akan aturkan pelbagai langkah lain bagi mempromosikan warisan ini termasuklah usaha dalam sektor pelancongan negeri dimana kita akan mengadakan kempen pertukaran sektor pelancongan bersama negeri lain bagi mempergiatkan pelancongan domestik antara negeri mulai Januari depan," ujarinya.

**RESIDENSI**  
**Bukit Katil**

Pegangan Bebas | Tanah Adat Melaka

**DISKAUN REBAT**  
**10% + 10%\***

**HARGA BERMULA DARIPADA**  
**RM 186,300\***

\*Tertakluk pada termasuk syarat.



#### Kemudahan Yang Ditawarkan:

- Surau
- Tadika & Taska
- Dewan Serba Guna
- Taman Permainan Kanak-kanak

#### Kediaman Kontemporari Menepati Cita Rasa Masa Kini



**JENIS B1: 1.000 kps**  
3 Bilik Tidur + 2 Bilik Air

#### AG BUMI HARTANAH

#### RAKAN JUALAN PR1MA (AG BUMI HARTANAH)

510 Jalan Melaka Raya 12, Taman Melaka Raya, 75000, Melaka

Pejabat: 06 - 286 5120  
wiramagr@gmail.com

Isrin - Jumaat  
(9.00 Pagi - 5.00 Petang)



[www.pr1ma.my](http://www.pr1ma.my)

PERBADANAN PRIMA MALAYSIA

Ibu Pejabat PR1MA

03 - 7628 9898

Isrin hingga Ahad (9.00 pagi - 6.00 petang)  
E-mel: info@pr1ma.my

Muat turun aplikasi PR1MA sekarang

Available on Google play App Store



PEMAJU: PR1MA CORPORATION MALAYSIA GALERI: TINGKAT BAWAH, BLOK F, NO. 2, JALAN PJU 1A/7A, OASIS DAMANSARA, 47301 PETALING JAYA, SELANGOR. TEL: 603-7495 9888 FAKS: 603-7840 0268 • Nombor lesen Perajui: 14169-4502-2022/01192(L) • Tempoh Sah Laku: 5/2/2021 – 4/2/2022 • Nombor Permit Iklan dan Jualan: 14169-4502-2022/01192(P) • Tempoh Sah Laku: 5/2/2021 – 4/2/2022 • Pihak Rekuger Majlis Bandaraya Melaka Bersepadu • Nombor Pejabat Dibuka: MBMB/JKB/0301/02/2016B • Pembangunan Perumahan: Residensi Bukit Katil • Bilangan Unit: 527 • Jenis Rumah: Apartment + Harga Jenis A (minimum) RM230,000 (maksimum) RM282,000 • Harga Jenis B (minimum) RM250,000 (maksimum) RM297,000 • Harga Jenis C (minimum) RM250,000 (maksimum) RM297,000 • Pegangan Taraf: Pegangan Bebas, Tanah Adat Melaka + Sekatan Keperinginan: Tiada • Bebanan Tanah: Tiada • Tarikh Dijanjikan Siap: Mac 2023

# M-WEZ ambil perhatian segala bantahan

Siti Salehah

**AYER KEROH** - Majlis Pembangunan Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ) akan meneliti segala bantahan yang dibangkitkan berhubung projek tebus guna tanah bagi pembangunan koridor ekonomi itu.

Ketua Pegawai Eksekutif M-WEZ Datuk Mohd Yusof Abu Bakar berkata, segala bantahan itu akan disesuaikan dengan keperluan daripada Jabatan Teknikal yang terlibat.

Bagaimanapun, tegasnya buat masa ini, segala aspek pembangunan yang dirangka masih dalam peringkat kajian, termasuklah masih menunggu laporan penilaian impak alam sekitar (EIA).

"Orang ramai perlu faham bahawa, sekiranya ada masalah dalam laporan EIA, pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) sendiri tidak akan memberi kebenaran kepada projek tersebut."

"Jadi, kita perlu bercakap mengikut fakta dan kita akan merujuk segala laporan sebelum sebarang keputusan lanjut diambil," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab bantahan yang dikemukakan sebuah gabungan NGO yang dikenali sebagai Save Our



ILUSTRASI pembangunan M-WEZ di pesisir pantai Melaka.

Shores (SOS) Melaka, pada 23 Dis lalu.

SOS Melaka mendakwa kebimbangan utama orang ramai

ialah projek tambak laut di atas tanah seluas lebih 121 hektar itu akan menjelaskan aliran air sungai ke laut, sekali gus dikhuatiri

menyumbang punca banjir kilat.

Selain itu, mereka turut mendakwa projek pembangunan itu dibuat di atas tapak yang diwarta-

kan sebagai kawasan warisan negara, selain akan menjadikan kawasan pendaratan penyu di Pulau Upah.

## Dr Mohd Yadzil, Mas Ermieyati ketuai Bersatu Melaka

Faiz Hasan

**KUALA LUMPUR** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bemban, Dr Mohd Yadzil Yaakub dilantik sebagai Ketua Badan Pimpinan Negeri Bersatu Melaka yang baharu berkuatkuasa 14 Dis lalu.

Presiden Bersatu, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam satu kenyataan memaklumkan, lantikan itu berkuatkuasa bagi menggantikan bekas ADUN Paya Rumput, Datuk Wira Mohd Rafiq Naizamohideen yang telah meletakkan jawatan pada 26 Nov lalu.

Katanya, Ahli Parlimen Masjid Tanah, Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin pula dilantik sebagai Timbalannya yang baharu.

"Pelantikan Dr Mohd Yadzil dan Mas Ermieyati bagi menerajui Badan Pimpinan Negeri Bersatu Melaka serta penyusunan semula Badan Pimpinan Negeri Bersatu Melaka diyakini dapat memperkuatkan struktur parti dan memper-



DR Mohd Yadzil

kukuhkan lagi perkhidmatan parti kepada rakyat negeri Melaka," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata Dr Mohd Yadzil yang telah memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Bemban dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka pada 20 Nov lalu.

"Beliau merupakan Ketua Bahagian Bersatu Jasin dan Timbalan Pengurus PN Negeri Melaka.

"Dr Yazil berkelulusan Ijazah Perubatan dari Universiti Udayana Indonesia dan pernah berkhidmat di Hospital Melaka dari tahun 2005 hingga 2009 sebelum menjadi Pegawai Perubatan di Poliklinik Hidayah, Jasin.

"Manakala, Datuk Wira Mas Ermieyati yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri merupakan Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Bersatu, Naib Ketua Srikandi Bersatu serta Ketua Bahagian Bersatu Masjid Tanah," katanya.



Mas Ermieyati



## WANT TO BE A PART OF OUR TEAM?

### JOB VACANCY

- 1. General worker
- 2. Cleaner

#### Interested ?

Then, send in your resume to  
generalinfo@mitc.org.my

#### REMUNERATION

- Attractive salary
- EPF & Socso contribution
- Medical & Insurance Coverage
- Annual leave, Medical leave
- Uniform

**Dateline : 31st December, 2021**

**Melaka International Trade Centre**

Level 2 Convention Centre, MITC Complex,  
Jalan Konvensyen, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka.

# Selamat Menyambut Hari Natal & Tahun Baharu **2022**

*Setulus Ikhlas Daripada*



Datuk Bandar, Ahli-Ahli Majlis,  
Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan  
dan Seluruh Warga Kerja Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

# Sukan

MELAKA HARI INI



## SK Nyalas diangkat sekolah sukan

**Fiqah Jamal**

**ASAHLAN** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Asahan, Fairul Nizam Roslan mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) supaya menjadi Sekolah Kebangsaan (SK) Nyalas sebagai sekolah sukan dalam masa terdekat.

Katanya, perkara itu merupakan

hasil perbincangan bersama Guru Besar SK Nyalas, Imran Lamin selepas sekolah terbabit diangkat menjadi akademi angkat berat.

Katanya, cadangan itu akan dikemukakan kepada KPM berikutnya sekolah berkenaan juga berjaya melahirkan atlet-atlet baru terutama dalam sukan angkat berat.

"Kita mahu SK Nyalas ini diangkat seiring seperti Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Kota dan sukan apa yang tidak ada di sekolah itu (SMK Seri Kota) kita wujudkan di SK Nyalas untuk lahirkan pelapis-pelapis dalam bidang sukan."

"Usaha ini sekali gus dapat mengoptimumkan dan meningkatkan secara langsung ekonomi

Asahan dan memperkenalkan Nyalas kepada dunia luar," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meraikan lima atlet remaja yang berjaya merangkul emas dalam kategori sukan angkat berat di Karnival Bakat Sukan yang diadakan di Kuala Lumpur awal Dis lalu, di Dewan JAPE-RUN Asahan.

Mengulas lanjut, beliau juga mengimpikan untuk melahirkan lebih ramai atlet pelapis Melaka di dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Saya turut difahamkan terdapat lebih 30 pelapis yang ada di sekolah terbabit dan kalau kita lepaskan bakat mereka ini, ia merupakan kerugian kepada negeri," katanya.



ANTARA remaja yang bergelar johan angkat berat di Karnival Bakat Sukan Kuala Lumpur.



FAIRUL Nizam (tiga dari kanan) ketika menyampaikan sijil penghargaan serta pingat emas dan sedikit wang sagu hati dari pihak Japerun Asahan kepada lima atlet memenangi pingat emas dalam kategori Bakat menerusi Karnival Bakat Sukan di Dewan Japerun Asahan.